PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2015

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Aktiviti ekonomi global meningkat sederhana

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua 2015. Dalam ekonomi maju utama, pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) terus bertambah baik manakala kadar aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun lebih sederhana. Pertumbuhan bagi kebanyakan ekonomi Asia menjadi sederhana pada suku kedua. Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Beberapa bank pusat ekonomi utama dan ekonomi sedang pesat membangun menurunkan kadar dasar di tengah-tengah kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan dan inflasi yang rendah.

Pasaran kewangan global terus tidak menentu pada suku kedua. Sentimen pelabur dipengaruhi oleh ketidakpastian mengenai masa dan magnitud untuk mengembalikan semula kadar faedah kepada keadaan yang wajar oleh Federal Reserve (Fed) AS dan perkembangan buruk mengenai krisis hutang Greece. Di Asia, pasaran ekuiti terus terjejas oleh kebimbangan mengenai pengumuman data ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan di rantau ini. Di RR China, pasaran ekuiti meningkat pada bahagian awal suku kedua, disokong oleh langkah liberalisasi pasaran modal yang diperkenalkan sejak suku keempat tahun sebelumnya dan langkah pelonggaran yang terus dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Walaupun begitu, trend peningkatan ekuiti ini bertukar arah pada pertengahan bulan Jun berikutan kebimbangan mengenai penilaian berlebihan stok China.

Ekonomi AS terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana pada suku kedua (2.3%; S1 2015: 2.9%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan bertambah kukuh kepada 2.3% (S1 2015: 0.6%), apabila faktor-faktor sementara melembapkan pertumbuhan pada suku pertama, iaitu keadaan musim sejuk yang teruk dan kesesakan pelabuhan berkurang. Aktiviti penggunaan swasta berterusan pada suku kedua apabila isi rumah terus mendapat manfaat daripada harga minyak yang lebih rendah, keadaan pasaran pekerja yang lebih kukuh dan kedudukan kewangan isi rumah yang bertambah baik. Namun begitu, pertumbuhan pelaburan tetap sederhana disebabkan terutamanya oleh kemerosotan perbelanjaan modal berkaitan minyak dan gas yang berterusan. Inflasi mencatat pertumbuhan sifar pada suku kedua tahun 2015 (S1 2015: -0.1%), dalam keadaan harga minyak yang rendah.

Aktiviti ekonomi di kawasan euro terus meningkat dengan sederhana pada suku kedua. Keadaan permintaan dalam negeri disokong oleh harga tenaga yang rendah, dasar monetari yang akomodatif dan keadaan pasaran pekerja yang lebih baik dalam beberapa ekonomi utama, termasuk Jerman. Meskipun krisis hutang dan ekonomi Greece meningkat, sentimen perniagaan dan pengguna terus menjadi lebih baik pada suku kedua, dengan PMI (Purchasing Managers' Index) perkilangan meningkat kepada 52.2 (S1 2015: 51.4). Inflasi kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada suku kedua (0.2%; S1 2015: -0.3%), disebabkan oleh kenaikan kos makanan dan perkhidmatan.

Ekonomi UK berkembang pada kadar lebih sederhana pada suku kedua (2.6%; S1 2015: 2.9%). Peningkatan aktiviti ekonomi yang berterusan didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Inflasi mencatat pertumbuhan sifar pada suku kedua (S1 2015: 0.1%), berikutan harga perumahan dan perbelanjaan isi rumah serta pakaian dan kasut yang lebih rendah.

Aktiviti ekonomi di Jepun meningkat dengan sederhana pada suku kedua. Walau bagaimanapun, penunjuk yang lebih baik ini disebabkan sebahagiannya oleh kesan asas

ekoran kenaikan cukai pengguna pada 1 April 2014. Jualan runcit kembali pulih merentas seluruh segmen barangan (2.9%; S1 2015: -4.8%), manakala sentimen perniagaan lebih baik pada suku kedua, seperti yang dicerminkan oleh kenaikan indeks kaji selidik Tankan bagi pengilang-pengilang besar. Dalam sektor luaran, pertumbuhan eksport menjadi sederhana kepada 6.7% (S1 2015: 9.1%) dalam keadaan permintaan yang lebih rendah dari Eropah Barat dan AS. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) mengalami penurunan yang menyeluruh kepada 0.2% (S1 2015: 2.1%). Inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) juga lebih rendah (0.5%; S1 2015: 2.1%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
AS	2.6	2.2	2.9[d]	2.3[a]	2.6[a]
UK	3.0	2.8	2.9[d]	2.6[p]	2.7[p]

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari ekonomi maju kekal akomodatif, meskipun hala tuju dasar monetari masih berbeza-beza merentas ekonomi. Berikutan pasaran tenaga kerja yang bertambah baik di AS, Fed terus memberikan isyarat bahawa kenaikan kadar faedah mungkin berlaku pada separuh kedua 2015.

Kebanyakan bank pusat menegaskan semula komitmen mereka untuk mengekalkan keadaan monetari yang akomodatif, apabila beberapa bank pusat mengurangkan kadar dasar, dalam keadaan inflasi yang lebih rendah dan kebimbangan terhadap pertumbuhan yang meningkat. European Central Bank (ECB) dan Bank of Japan (BOJ) mengekalkan program pembelian aset mereka pada suku kedua. ECB menegaskan semula hasratnya untuk membeli aset bernilai EUR60 bilion setiap bulan sehingga akhir bulan September 2016 atau sehingga inflasi jangka sederhana menghampiri 2%. BOJ juga menegaskan komitmennya untuk menambah asas monetari sebanyak JPY80 trilion setahun. Bank of England (BOE) turut mengekalkan stok aset pembeliannya berjumlah GBP375 bilion. Sementara itu, Reserve Bank of New Zealand mengurangkan kadar dasar utamanya pada bulan Jun dan Julai sebanyak 50 mata asas secara kumulatif kepada 3.00%, manakala Reserve Bank of Australia dan Norges Bank Norway menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak 25 mata asas masing-masing kepada 2.00% and 1.00% pada suku kedua. Pada bulan Julai, Bank of Canada menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 0.50%. Sveriges Riksbank (Bank Nasional Sweden) turut menurunkan kadar asas utamanya sebanyak 10 mata asas kepada -0.35% dan melanjutkan pembelian bon kerajaannya sebanyak SEK45 bilion lagi.

Di RR China, pertumbuhan ekonomi kekal tidak berubah pada suku kedua (7.0%, S1 2015: 7.0%). Dari segi industri, pertumbuhan yang meningkat dalam sektor utama (pertanian dan perlombongan) dan sektor peringkat ketiga (perkhidmatan) mengimbangi pertumbuhan yang lebih perlahan merentas seluruh industri sekunder (industri dan pembinaan). Pada suku kedua, kerajaan China mengumumkan siri langkah dasar yang meluas seperti pelaburan infrastruktur dan peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor yang disasarkan untuk menyokong momentum ekonomi. Selain itu, langkah pelonggaran dasar monetari selanjutnya turut diperkenalkan berikutan pelarasan pasaran saham menjelang akhir suku kedua. Namun begitu, pertumbuhan terus dipengaruhi oleh pembaharuan yang sedang dilaksanakan untuk mengimbangi semula pemacu utama ekonomi. Inflasi meningkat kepada 1.4% pada suku kedua (S1 2015: 1.2%) berikutan harga yang lebih tinggi dalam subsektor makanan serta rekreasi, pendidikan dan kebudayaan.

Di Asia, pertumbuhan kebanyakan ekonomi terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Ekonomi China Taipei menurun dengan ketara sebanyak 0.6% pada suku kedua (S1 2015: 3.4%), disebabkan oleh kemerosotan eksport yang mengimbangi peningkatan permintaan dalam negeri.

Pertumbuhan ekonomi di Indonesia mampan pada 4.7% pada suku kedua, apabila aktiviti pelaburan yang sederhana diimbangi oleh peningkatan dalam eksport bersih, dalam keadaan pertumbuhan penggunaan swasta yang berterusan. Di Korea, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 2.2% (S1 2015: 2.5%) disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang lebih lemah dalam keadaan perkembangan permintaan dalam negeri yang berterusan. Di Singapura, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 1.8% (S1 2015: 2.8%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan aktiviti perkilangan, khususnya dalam kelompok kejuruteraan biomedik dan kejuruteraan pengangkutan.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2014		2015		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
China Taipei	3.9	3.6	3.4	0.6[a]	2.0[a]
Indonesia	5.0	5.1	4.7	4.7	4.7
Korea	3.4	3.7	2.5	2.2[a]	2.3[a]
RR China	7.4	7.4	7.0	7.0	7.0
Singapura	2.3	3.4	2.8[d]	1.8[p]	2.3[p]

[d] Disemak
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

Tekanan inflasi kekal lemah dalam kebanyakan ekonomi Asia apabila harga terus terjejas oleh harga tenaga yang lebih rendah. Yang ketara, Thailand, Singapura dan China Taipei mengalami deflasi pada suku kedua. Namun begitu, inflasi meningkat di Indonesia, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bahan api, susulan rasionalisasi subsidi bahan api.

Berlatarkan keadaan ini, dasar monetari kekal akomodatif di rantau ini dengan beberapa bank pusat menurunkan kadar dasar mereka pada suku kedua. Berikutan aktiviti ekonomi yang sederhana, Bank of Thailand dan Reserve Bank of India menurunkan kadar dasar utama mereka sebanyak 25 mata asas masing-masing kepada 1.50% dan 7.25%. Bank of Korea juga menurunkan kadar asasnya sebanyak 25 mata asas kepada kadar yang terendah sebanyak 1.50% apabila risiko pertumbuhan yang lebih perlahan meningkat berikutan pertumbuhan eksport yang lemah dan wabak Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Middle East Respiratory Syndrome, MERS) yang melembapkan permintaan dalam negeri. Sementara itu, People's Bank of China (PBoC) melonggarkan lagi keadaan monetari pada suku kedua untuk merangsang pertumbuhan kredit dan menyokong aktiviti ekonomi. PBoC mengurangkan penanda aras satu tahun bagi kadar pinjaman dan deposit masing-masing kepada 4.85% dan 2.00% (Sebelumnya: masing-masing 5.35% dan 2.50%). Pada bulan April, PBoC menurunkan nisbah keperluan rizab sebanyak 100 mata asas bagi semua bank, dan pada bulan Jun, nisbah ini diturunkan lagi sebanyak 50 mata asas bagi bank yang memberikan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana serta sektor pertanian.

Harga minyak mentah Brent mencatat kenaikan pada purata USD63 setong pada suku kedua (S1 2015: USD55 setong). Kenaikan ini disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak shale AS dan keputusan Fed untuk tidak menaikkan kadar faedah pada bulan Jun. Ini meningkatkan sentimen dalam pasaran minyak pada dua bulan pertama S2 2015. Harga mencecah paras tahunan tertinggi sebanyak USD 68 setong pada 4 Mei 2015. Namun begitu, penunjuk Fed yang membayangkan kemungkinan berlakunya kenaikan kadar faedah pada separuh kedua 2015 mencetuskan penjualan kecil dalam pasaran minyak menjelang akhir suku kedua, lantas menyebabkan harga minyak menjadi sederhana kepada USD 62 setong pada 29 Jun 2015.

Kebanyakan mata wang utama menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku kedua. Pada dua bulan pertama suku kedua, peningkatan aktiviti ekonomi di UK dan kawasan euro memberikan sedikit sokongan kepada paun sterling dan euro. Namun begitu, kekukuhan mata wang ini terjejas oleh ketidakpastian yang terus meningkat mengenai krisis hutang Greece pada suku kedua. Yen Jepun menjadi lemah berikutan komitmen BOJ untuk mengekalkan dasar monetari yang

akomodatif. Di bahagian lain Asia, kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS apabila pengumuman data ekonomi AS yang lebih baik mengukuhkan lagi jangkaan pasaran bahawa Fed akan menaikkan kadar faedah menjelang akhir tahun 2015. Selain itu, kebimbangan terhadap aktiviti ekonomi menjadi sederhana di rantau ini, termasuk di RR China dan ketidakpastian yang meningkat berikutan krisis hutang Greece turut menjejaskan prestasi mata wang di rantau ini.

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana, dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi utama. Pertumbuhan global secara keseluruhan dijangka terus mendapat manfaat daripada harga minyak yang rendah, namun kesannya akan berbeza-beza merentas ekonomi. Di Asia, permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan memandangkan pertumbuhan eksport masih sederhana. Pertumbuhan global, bagaimanapun, telah menjadi lebih mudah terjejas kepada risiko pertumbuhan yang lebih rendah. Sebarang perkembangan buruk di Eropah, ketidakpastian yang lebih ketara terhadap pelarasan dasar dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, serta kemunculan semula ketegangan geopolitik boleh menyebabkan keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa berterusan.